

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENULISAN

Nama : _____

Kelas : _____

Nomborkan ayat-ayat di bawah mengikut urutan membuat jus lobak susu dengan betul.

- ☐ Kemudian, Puan Siti mencuci lobak itu sehingga bersih.
- ☐ Selepas itu, Puan Siti mengisar lobak itu dengan mesin pengisar.
- ☐ Puan Siti mencabut lobak merah yang telah matang di kebunnya.
- ☐ Seterusnya, Puan Siti memotong lobak itu kecil-kecil.
- ☐ Puan Siti hendak membuat jus lobak susu.
- ☐ Akhir sekali, Puan Siti membubuh susu dan mengacaunya.
- ☐ Puan Siti menghidangkan jus lobak susu itu kepada ahli keluarganya.

Lengkapkan petikan dengan maklumat yang diberikan.



Anas membaca maklumat tentang amalan keselamatan. Ada lima amalan yang dinyatakan. Pertama, penunggang basikal haruslah (1) _____. Kedua, pejalan kaki atau penunggang basikal perlu sentiasa (2) _____. Amalan ketiga untuk murid-murid yang pulang dengan ibu bapa atau bas. Mereka perlu (3) _____. Tempat itu selamat untuk menunggu kenderaan ibu bapa atau bas. Keempat, kita perlu (4) _____. Lampu kuning menyala bermakna bersedia untuk berhenti. Lampu merah menyala bermakna mesti berhenti. Lampu hijau menyala bermakna boleh meneruskan perjalanan. Amalan terakhir, setiap penunggang atau pembonceng motosikal mesti (5) _____. Semua amalan ini harus kita amalkan demi keselamatan diri.

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ayah membeli dua biji cempedak di gerai buah-buahan Pak Cik Imran. Dua biji cempedak itu berharga sepuluh ringgit. Kami sekeluarga memang suka makan buah cempedak. Buah cempedak merupakan buah-buahan tempatan.

Ibu membelah buah cempedak yang dibeli oleh ayah. Ibu mengambil isinya untuk digoreng. Sebelum menggoreng cempedak itu, ibu membancuh tepung bersama air. Kemudian, ibu memanaskan minyak di dalam kuali. Seterusnya, ibu mencelupkan isi cempedak itu ke dalam tepung. Kemudian, ibu memasukkan cempedak yang telah disalut tepung itu ke dalam minyak yang telah panas. Cempedak itu digoreng sehingga kekuningan.

Ibu menghidangkan cempedak yang siap digoreng kepada kami. Cempedak goreng yang dibuat oleh ibu sangat sedap. Kami makan dengan penuh berselera.



Pustaka Istilah

membelah	: memotong
membancuh	: mencampurkan atau menggaulkan bahan-bahan menjadi satu
disalut	: dibalut, diliputi

1. Berapakah harga sebiji buah cempedak?

2. Siapakah Pak Cik Imran?

3. Adakah ayah yang membelah buah cempedak?

4. Selain cempedak, namakan **dua** buah lain yang boleh digoreng. 

(a) _____

(b) _____

5. Setelah memanaskan minyak, susun langkah menggoreng cempedak yang seterusnya.

(a)	Masukkan cempedak yang disalut tepung ke dalam minyak yang telah panas.	
(b)	Goreng sehingga kekuningan.	
(c)	Celupkan cempedak ke dalam tepung yang telah dibancuh.	